

**INTERNATIONAL CONFERENCE ON RESEARCH  
IN ISLAMIC AND ARABIC LANGUAGE EDUCATION 2012  
( ICRIALE 2012 )**



**KERELEVANAN PROGRAM PENGAJIAN UNDANG-UNDANG ISLAM  
DALAM MENDEPANI CABARAN SEMASA: PENGALAMAN  
UNIVERSITI MALAYA**

Siti Zubaidah Ismail  
*Universiti Malaya*

Muhamad Zahiri Awang Mat  
*Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

**Abstrak :** Pengajian Undang-Undang Islam di Universiti Malaya bertujuan untuk menyediakan graduan yang bakal menceburi bidang kehakiman dan perundangan Islam. Sejak 2008 Universiti Malaya menerusi Akademi Pengajian Islam telah menawarkan program baru yang dinamakan Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang. Program ini merupakan penambahbaikan kepada program sedia ada iaitu program Sarjana Muda Syariah (Syariah dan Undang-Undang). Program lama memakan masa tiga tahun dan untuk membolehkan graduan program ini memasuki skim perkhidmatan kehakiman dan perundangan Islam, mereka disyaratkan mengambil Diploma Amalan Kehakiman dan Pentadbiran Islam (DAIJ). Dengan adanya program baru yang memakan masa empat tahun, mereka yang bergraduasi sudah tidak perlu mengambil diploma berkenaan. Kertas kerja ini membincangkan bagaimana kurikulum pengajian BShL digubah, penggunaan teknologi dalam pengajaran, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berorientasikan pelajar dan mekanisme latihan industri digunakan bagi membolehkan APIUM melahirkan graduan yang berketrampilan dan seterusnya menjamin *employability* graduan.

**Abstract :** The Islamic law programme in the University of Malaya has the purpose of preparing the graduands with the employability skills to fit into the area of Islamic law and judiciary. Since 2008 the Academy of Islamic Studies has offered a new programme called Bachelor of Shariah and Law. This programme was introduced after a curriculum review was conducted on the old programme which was Bachelor of Shariah (major in Shariah and Law). While the latter took three years to complete, the former was extended to four years, aimed at preparing the graduands with the sufficient qualification prior to entering into the government scheme of the Islamic judiciary. Previously, they had to sit for a-year course of Diploma in Law and Islamic Judiciary (DAIJ) at IIUM as a prerequisite requirement needed for the scheme. This paper discusses how the curriculum was re-done, the use of technology, student-centred teaching and learning, evaluation, assessment and how industrial training is adapted in the course. All these are to ensure the employability of the graduates.

## **PENGENALAN**

Undang-undang Islam telah diiktiraf sebagai sebahagian daripada undang-undang dalam sistem perundangan di Negara ini. Pengajian Undang-Undang Islam mula mendapat tempat di kebanyakan institusi pengajian tinggi tempatan (Nik Ahmad Kamal,2006). Sejak beberapa dekad ini, banyak universiti/kolej university/kolej di Malaysia menubuhkan bahagian undang-undang Islam sama ada dalam posisi sebagai jabatan, fakulti ataupun pusat pengajian undang-undang Islam (A.H.Buang&S.Z Ismail,2007). Pengenalan program baru dalam bidang Syariah dan Undang-Undang memerlukan kelulusan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) ataupun sejak tahun 2007 ditukar namanya kepada Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Agency* atau MQA) setelah penggabungan antara LAN dan Bahagian Jaminan Kualiti, Kementerian Pengajian Tinggi dilakukan pada 2005. Program baru perlu mempunyai objektif yang selari dengan objektif program yang digariskan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), iaitu untuk melahirkan pelajar yang:

- 1) Menguasai bidang perundangan Islam dan Syariah secara teori dan praktikal dari sumbernya yang asal;
- 2) Menguasai bidang perundangan Sivil secara teori dan praktikal;
- 3) Memiliki kemahiran menyelesaikan permasalahan perundangan Sivil dan Syariah dalam masyarakat dan isu semasa;
- 4) Mendapat pendedahan kemahiran praktikal guaman dan kehakiman Sivil dan Syariah dan;
- 5) Memenuhi keperluan kerjaya dalam pentadbiran dan perundangan Sivil dan Syariah yang memenuhi keperluan modal insan Negara, industri dan masyarakat secara profesional dan
- 6) Mematuhi etika professional dan berakhlak mulia.

Keperluan kepada tenaga mahir dalam bidang perundangan Islam menyaksikan institusi pengajian tinggi tempatan membuat penawaran pelbagai kursus baik di peringkat ijazah pertama mahupun pasca sarjana yang berhasrat untuk melahirkan lebih ramai graduan dalam bidang perundangan Islam. Kurikulum telah dibentuk agar memenuhi kehendak semasa dan kehendak pasaran kerja yang memerlukan graduan yang berkaliber, berdaya maju dan mempunyai kemahiran insaniah serta skil berkomunikasi yang baik. Banyak kajian menunjukkan hubungkait yang kuat antara pendidikan, produktiviti dan tahap output (Wilson&Briscoe,2004;Pool&Sewell,2007) dan *higher education provider* dilihat sebagai pembekal tenaga manusia yang penting untuk pembangunan ekonomi. Graduan yang berkemahiran dalam bidang perundangan Islam ini amat diperlukan untuk memenuhi jawatan dalam perkhidmatan perundangan dan kehakiman Islam seperti hakim, pendakwa, pendaftar, pegawai sulh dan sebagainya. Peningkatan kes-kes mal dan jenayah di mahkamah syariah juga dilihat sebagai mewujudkan keperluan yang amat relevan kepada tenaga professional yang menceburi bidang kepeguaman syarie. Setakat ini terdapat lima IPTA yang menawarkan program berkaitan syariah dan undang-undang di

negara ini iaitu UM, UIAM, UKM, USIM dan UiTM.

Apabila berbicara tentang kerelevanan sesuatu program, ia bergantung kepada konteks yang dikehendaki oleh program dan halatujunya. Ia membabitkan keseimbangan antara kepentingan mahasiswa dengan kehendak kurikulum. Justeru, isu utama ialah bagaimana sesuatu program pengajian itu khususnya rekabentuk kurikulumnya disesuaikan dengan perkembangan semasa dan pada masa yang sama memenuhi kehendak dan jangkaan mahasiswa. Sebagai contoh, untuk memenuhi jangkaan dalam dunia pekerjaan, kurikulum pengajian perlu ditambahbaik dan direka bagi memenuhi tuntutan semasa pasaran pekerjaan, serta memainkan peranan dalam kebolehpasaran graduan. Perkara yang menjadi kepercayaan biasa (*common belief*) oleh pihak industri ialah institusi pengajian tinggi perlu membekalkan graduan mereka dengan skill dan kemahiran yang tertentu yang diperlukan untuk berjaya di bidang pekerjaan. Di samping itu, isikandungan sesuatu subjek juga perlu bersifat applicable agar suaimanfaat bagi menyelesaikan pemasalahan semasa. Graduan pula mengharapkan yang mereka dibekalkan dengan bukan sahaja ilmu *substantive*, tetapi juga pelbagai kemahiran insaniah.

#### **PROGRAM SARJANA MUDA SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG: OBJEKTIF DAN INTIPATI KURIKULUM**

Seiring dengan perkembangan ini, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya telah mengadakan semakan semula terhadap kurikulum program sedia ada iaitu Sarjana Muda Syariah (Syariah dan Undang-Undang) berasaskan kepada kehendak Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF). Hasil daripada proses semakan itu, maka terhasillah program pengajian baru yang dinamakan sebagai Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang. Program yang bermula dari sesi kemasukan 2007/2008 ini menetapkan tempoh pengajian minimum selama empat (4) tahun dan bukan lagi tiga (3) tahun seperti program sebelumnya. Graduan sulung program ini yang berjumlah seramai 27 orang dijangka akan bergraduat pada Oktober 2012. Program baru ini akan mengurniakan Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang (*Bachelor in Shariah and Law* atau ringkasnya B.ShL). Program baru ini menyaksikan pertambahan yang signifikan terhadap bilangan subjek, terutama yang berbentuk profesional dan praktikal yang akan dipelajari oleh mahasiswa bagi memantapkan lagi pengetahuan profesional dan amali lepasan program ini. Visi program pengajian ini ialah untuk melahirkan graduan yang cemerlang dan profesional dalam bidang kehakiman dan guaman Syariah dan misinya pula adalah untuk melahirkan graduan yang berkualiti tinggi serta profesional dalam bidang kehakiman dan guaman Syariah menerusi pembelajaran, penyelidikan serta latihan amali. Secara keseluruhannya, program pengajian ini mempunyai beberapa matlamat seperti berikut:

- 1) Untuk melahirkan siswazah yang berkemampuan dalam bidang perundangan Islam yang dapat menguasai bidang-bidang ilmu Syariah dari sumbernya yang asal serta profesional dalam bidang kehakiman Syariah di Malaysia.

- 2) Untuk memenuhi keperluan negara, industri dan masyarakat Islam kepada tenaga mahir dan profesional dalam bidang perundangan Islam dan kehakiman Islam, bidang perbankan dan kewangan Islam serta berkemampuan menjalankan khidmat perundangan serta penasihat dalam bidang kekeluargaan dan kehartaan orang Islam.
- 3) Untuk memenuhi keperluan kepakaran perundangan Islam yang semakin mencabar, yang memerlukan siswazah berkemahiran dan berpenguasaan bidang perundangan Islam yang praktikal serta mampu memberi penyelesaian kepada permasalahan-permasalahan semasa negara dan umat Islam di peringkat nasional dan global.

Program Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang ini telah pun diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti Malaya pada 6 Julai 2007 dan telah mendapat pengiktirafan kelayakan daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 11 Januari 2010.

Jadual 1 : Perbezaan antara Sarjana Muda Syariah (Syariah dan Undang-Undang) dengan Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang

Perkara	Sarjana Muda Syariah (Syariah dan Undang-Undang)	Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang
Tempoh pengajian	3 tahun	4 tahun
Jumlah jam kredit	120	142
Keperluan DAIJ	perlu	tidak

Dari segi struktur program, Jadual 2 di bawah menjelaskan dengan lebih lanjut.

Jadual 2 : Struktur Program Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang

Kursus	Kandungan	Kredit
Kursus Universiti (21 Kredit)	• TITAS	2
	• Hubungan Etnik	2
	• Kemahiran Maklumat	1
	• Ko-Kurikulum	2
	• Asas Pembudayaan Keusahawanan	2
	• Bahasa Inggeris Komunikasi	6
	• Kursus Elektif Luar Fakulti	3
	• Kursus Elektif Akademi	3
Kursus Teras Akademi (11 Kredit)	• Bahasa Arab I	2
	• Bahasa Arab II	2
	• Hafazan	1
	• Pengantar Syariah	3
	• Pengantar Usuluddin	3
Kursus Major (110 Kredit)	• Kursus Teras Program	42
	• Kursus Teras jabatan/Pengkhususan	68
<b>JUMLAH</b>		<b>142</b>

Sumber: [apium.um.edu.my/programs/under/buku\\_panduan/2011\\_2012/7%20PROGRAM](http://apium.um.edu.my/programs/under/buku_panduan/2011_2012/7%20PROGRAM)

**PEMANTAPAN PROGRAM: KAEDAH PENGAJARAN DAN PENILAIAN**  
Dasar Pengajaran dan Pembelajaran UM yang bertujuan untuk memantau dan menjamin kualiti program akaemik serta pelaksanaan proses P&P di UM secara keseluruhan termasuk input (governan, infrastruktur, sumber kewangan, sumber fizikal dan sumber manusia), proses (perkembangan dan semakan kurikulum, pelaksanaan, penilaian dan penaksiran serta pemantauan pengajaran dan pembelajaran, dan penambahbaikan kurikulum dan program akademik serta output (graduan).

### **Penggunaan Problem-based Learning (PBL) dan Student Centred Learning (SCL)**

Aplikasi PBL banyak digunakan dalam subjek teras program/pengkhususan seperti Undang-Undang Jenayah Syariah (IUEL 3101), Undang-Undang Islam dan Masyarakat (IUEL 2106), Undang-Undang Pusaka, Wasiat dan Hibah (IUEL 2112), Mediasi Syariah (IUEL 4103), Amalan Profesional (IUEL 4106) dan banyak lagi. Ia memerlukan mahasiswa bersikap aktif dan tidak pasif, berfikiran kritis bagi menyelesaikan permasalahan yang dikemukakan. PBL adalah kaedah yang berkesan dan banyak digunakan dalam kelas tutorial yang kecil bilangan mahasiswanya (bergantung kepada kursus, lazimnya 10-15 orang.) Kaedah SCL pula digambarkan oleh Kember (1997) memerlukan pensyarah berperanan sebagai fasilitator dan bukan sebagai *presenter of information* yang secara tradisi dilihat seolah-olah *feeder* semata-mata. Harden dan Crosby (2000:335) pula menekankan mahasiswa sebagai *doer*. Kaedah P&P ini berpaksikan mahasiswa dengan fokus utama ialah ke arah meningkatkan kemampuan dan kebolehan mahasiswa bagi mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan. Hasilnya, sebagaimana yang ditemui oleh Lea et.al (2003) bahawa ia meningkatkan rasa tanggungjawab dan akauntabiliti mahasiswa terhadap pelajaran masing-masing.

### **ICT dan Penggunaan Teknologi dalam Pengajaran**

Penggunaan ICT dalam bilik kuliah bagi menggantikan pen dan kertas (atau papan putih, *marker* dan kapur), pencarian bahan menerusi pengkalan data atas talian dan integrasi teknologi alam bilik kuliah adalah antara beberapa perkara yang dibincangkan dalam skop kaedah pengajaran (Fabry&Higgs,1997). Bagi menyokong proses pembelajaran, kaedah e-pembelajaran diperkenalkan bagi meningkatkan akses dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Di Universiti Malaya, prasarana yang digunapakai ialah *Student Powered e-Collaboration Transforming UM* (SPECTRUM). Terdapat pelbagai aplikasi yang disediakan di platform ini, antaranya ialah memuatnaik bahan, pengendalian dan pemarkahan ujian, forum, survei an pelbagai lagi.

### **Latihan Industri: Keberkesanan dan Jangkaan Organisasi**

Latihan industri merujuk kepada penempatan mahasiswa di sesebuah organisasi sama ada kerajaan atau swasta untuk menjalankan latihan praktikal yang berkaitan dengan program pengajian mereka di dalam jangkamasa yang ditetapkan. Latihan industri dilihat sebagai sebahagian daripada kaedah pengajaran yang penting untuk memberi pendedahan suasana pekerjaan yang

sebenarnya kepada mahasiswa, di samping membekalkan para mahasiswa dengan kemahiran tertentu (kemahiran insaniah) yang mereka perlukan apabila menceburi bidang pekerjaan setelah bergraduasi. Di Universiti Malaya sendiri *Centre for Industrial Training and Relations* (CITRA) ditubuhkan sebagai pusat yang menyelaraskan semua bentuk *internship* yang dijalankan oleh fakulti-fakulti di universiti ini. Bentuk-bentuk *internship* yang ada ialah seperti penempatan pekerjaan, latihan berasaskan penyelidikan, latihan klinikal, latihan sangkutan perundangan dan latihan mengajar. Dari segi pendekatan yang diambil untuk program SMSU ialah dengan menjadikan subjek Latihan Industri sebagai sebahagian daripada kursus wajib program. Latihan Industri 1 (IUEL 3191) dan Latihan Industri 2 (IUEL 3192) adalah subjek teras program yang membawa 4 kredit. Setiap satu Latihan Industri memakan masa selama enam minggu dan para mahasiswa diberi kebebasan untuk mencari tempat latihan masing-masing. Bagi Latihan Industri 1, para pelajar akan menjalankan praktikal di Jabatan-jabatan Agama Islam negeri, Pejabat Mufti, Majlis Agama Islam dan lain-lain jabatan berkaitan. Para mahasiswa akan menjalani Latihan Industri II di mahkamah-mahkamah syariah di negeri-negeri, firma-firma guaman, biro bantuan guaman atau syarikat kewangan/perbankan Islam pada cuti semester sesi akademik yang berkenaan. Pelajar dikehendaki menghantar laporan terhadap tugas sepanjang menjalani latihan. Markah yang akan dinilai berdasarkan laporan mahasiswa serta laporan dari majikan organisasi. Di samping itu, penyeliaan juga akan dilakukan oleh para pensyarah Jabatan Syariah dan Undang-Undang yang ditugaskan untuk pergi ke segenap organisasi atau firma dimana mahasiswa ditempatkan untuk melakukan penyeliaan, menemubual pegawai berkenaan bagi mendapatkan maklumbalas tentang latihan yang diberikan dan performatan mahasiswa.

### **Penilaian P&P dan Penilaian Kursus**

Penilaian dan penaksiran P&P dilakukan secara formatif sepanjang semester (40% sebagai markah penialain berterusan), manakala penilaian sumatif dilakukan di akhir semester menerusi peperiksaan akhir yang ditapkan sebanyak 60% daripada markah keseluruhan.

Bagi penilaian kursus pula, terdapat dua aspek iaitu penilaian pengajaran dan pembelajaran dan penilaian kursus dan pengajaran. Aspek penaksiran yang merujuk kepada penilaian pencapaian hasil pembelajaran di peringkat kursus dan program pengajian, ia dibuat bertujuan untuk mengenalpasti peluang penambahbaikan proses P&P. Untuk itu, Penilai Luar akan dilantik yang akan memberikan Laporan program. Penilai Luar ini akan memberi maklumbalas tentang program (bila perlu), soalan peperiksaan (setiap semester) dan sebagainya. Bagi aspek penilaian kursus, ia dibuat oleh mahasiswa bagi mendapat maklumbalas terhadap kursus, pengajaran dan infrastruktur P&P. Untuk itu satu sistem telah dibangunkan iaitu Course and Teaching Evaluation System (CTES).

### **Prospek Pekerjaan: Pegawai Syariah dan Peguam Syarie**

Graduan dari program ini boleh memilih untuk berkhidmat sama ada di perkhidmatan kerajaan mahupun swasta. Antara perkhidmatan kerajaan yang

boleh diceburi oleh mereka selepas tamat pengajian adalah dalam bidang perundangan Islam dan kehakiman. Skim perkhidmatan yang boleh dipenuhi ialah sebagai Pegawai Syariah yang terdiri daripada jawatan seperti Hakim Syarie, Pendaftar, Pegawai Sulh dan Pegawai Penyelidik, Pegawai Bahagian Sokongan Keluarga ( BSK) serta Peguam Kanan di Jabatan Peguam Negara. Mereka juga boleh berkhidmat di Jabatan-jabatan Agama Islam sebagai Pendakwa Syarie, Kaunselor Undang-undang Keluarga dan Pegawai Penyelidik Perundangan Islam. Manakala dari segi amalan professional, mereka boleh beramal sebagai Peguam syarie di negeri-negeri. Kelayakan yang diperlukan untuk menjadi peguam syarie bertauliah diperuntukkan di bawah Kaedah-Kaedah Peguam Syarie negeri.

### ***Kelayakan sebagai pegawai syariah***

Kemasukan ke jawatan pegawai syariah adalah berdasarkan kepada syarat lantikan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA). Calon bagi lantikan ini hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) (i) Ijazah sarjana muda kepujian syariah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- (ii) Diploma Lanjutan Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada IPT tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (b) Ijazah sarjana muda Undang-undang (syariah) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada IPT tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Tugas sebagai pegawai syariah bermaksud bertanggungjawab mengendalikan mahkamah syariah di peringkat daerah, bertindak sebagai hakim MRS dan membuat persediaan alasan penghakiman.

### ***Kelayakan sebagai peguam syarie***

Semua negeri mempunyai peraturan yang digariskan berkaitan dengan perlantikan peguam syarie yang hendak diterima beramal di negeri berkenaan. Ia dinamakan Kaedah-Kaedah Peguam Syarie yang dikanunkan berdasarkan kepada Enakmen Pentadbiran Undang-Undang islam setiap negeri (punca kuasa). Berikut diperturunkan peruntukan berkaitan kelayakan menjadi peguam syarie:  
*Kaedah 10. Kelayakan Peguam Syarie Wilayah Persekutuan.*

Seseorang boleh diterima menjadi Peguam Syarie jika dia:

- (a) (i) Seorang Islam dan telah lulus peperiksaan akhir yang membawa kepada ijazah sarjana muda Syariah dari mana-mana universiti atau mana-mana institusi pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; atau
- (ii) Seorang Islam yang menjadi anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan Persekutuan; atau

- (iii) Seorang Islam yang menjadi peguambela atau peguamcara yang didaftarkan di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976; atau
  - (iv) telah berkhidmat sebagai Hakim Syarie atau Kathi dengan mana-mana Kerajaan Negeri di Malaysia selama tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun;
- (b) telah mencapai umur dua puluh satu tahun;
- (c) berkelakuan baik dan:
- (i) tidak pernah disabitkan di Malaysia atau di mana-mana tempat lain atas apa-apa kesalahan jenayah;
  - (ii) tidak pernah dihukum menjadi seorang bankrap;
- (d) seorang Warganegara Malaysia; dan
- (e) sebagai seorang peguambela dan peguamcara, telah lulus peperiksaan Sijil Peguam Syarie.

### **KESIMPULAN**

Relevannya program Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang ini ialah apabila diletakkan program ini dalam konteks yang khusus untuk melahirkan graduan yang akan berkhidmat dalam bidang yang dinyatakan di atas. Soal sama ada sesuatu program itu responsif atau tidak dengan keadaan dan tuntutan semasa, berhajat kepada petunjuk (*indicator*), antara lain, bahawa mahasiswa yang bergraduasi memperoleh pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan, mempunyai kemahiran yang diperlukan dalam bidang pekerjaan dan semestinya mempunyai minda kelas pertama (*sic.*) Ini kerana persaingan dalam dunia pekerjaan hari ini, menuntut graduan Universiti Malaya lebih menonjol daripada graduan universiti-universiti lain yang mengambil kursus yang sama dan kelak akan mengisi jawatan yang sama. Hal ini tentulah menuntut kepekaan di pihak *higher education provider* untuk menjadikan program yang ditawarkan itu mempunyai misi dan visi yang tepat justeru berjaya mencapai objektif program yang disasarkan. Ini semua boleh dikatakan sejajar dengan objektif Kementerian Pengajian Tinggi yang berhasrat untuk menghasilkan graduan yang kompeten untuk memenuhi keperluan guna tenaga Negara dan antarabangsa dengan sasaran 75% graduan mendapat pekerjaan dalam bidang relevan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian. Walaubagaimanapun, keperluan ini hendaklah diseimbangkan dengan kepentingan negara untuk melahirkan modal insan yang memiliki kemahiran kemanusiaan dan tidak menganggap universiti sebagai kilang penghasilan tenaga kerja untuk menghadapi cabaran ekonomi semata-mata.

### **RUJUKAN**

Ahmad Hidayat Buang & Siti Zubaidah Ismail. (2007). Pengajian undang-undang Islam di IPTA di Malaysia: analisis terhadap silibus pengajian dan cabaran semasa. Dalam M.F Hamat, J.T Borhan, A.A Mohd Zin (penyt.). *Pengajian Islam di IPTA Malaysia* (225-237). Kuala Lumpur: Penerbit UM.



- Fabry, D.L., and J.R Higgs. (1997). Barriers to the effective use of technology in education: current status. *Journal of Educational Computing Research* 17(4),385-395.
- Kember,D. (1997). A reconceptualisation of the research into university academics conception of teaching. *Learning and Instruction*. 7(3),255-275.
- Latisya Asmaak Shafie & Surina Nayan. (2010). Employability awareness among Malaysian undergraduates. *International Journal of Business and Management*. 5(8),119-122.
- Lea,S.J., D.Stephenson and J.Troy (2003). Higher education students' attitudes to student centred learning: beyond 'educational bulimia'. *Studies in Higher Education* 28(3),321-334 .
- Nik Ahmad Kamal Nik Mahmud. (2006). The importance of understanding and teaching Islamic law in Asia. *Asian Journal of Comparative Law* 1(1),1-16.
- Pool, D.L& P.Sewell. (2007). The key to employability: developing a practical model of graduate employability. *Education and Training* 49(4),277-289
- Wilson,R.A.& Briscoe,G.,(2004). The impact of human capital on economic growth: a review. In P.Descy & M.Tessaring (eds). *Impact of education and training*.([http://www.cedefop.europa.eu/EN/Files?BgR3\\_Wilson.pdf](http://www.cedefop.europa.eu/EN/Files?BgR3_Wilson.pdf) (7/5/2012)
- MQA At A Glance (<http://www.mqa.gov.my>)
- Centre for Industrial Training and Relations ([www.citra.um.edu.my](http://www.citra.um.edu.my))
- Dasar Pengajaran dan Pembelajaran ([www.portal.um.edu.my/doc/akademik](http://www.portal.um.edu.my/doc/akademik))
- Student Powered e-Collaboration Transforming UM ([www.spectrum.um.edu.my](http://www.spectrum.um.edu.my))
- Course and Teaching Evaluation System ([www.umctes.um.edu.my](http://www.umctes.um.edu.my))

